

HARAPAN BERTERUSAN UNTUK

Kemajuan Bahasa Melayu

Lebih 65 tahun lalu Malaysia merdeka dan negara ditadbirkan oleh beberapa kerajaan watan yang didukung oleh parti tertentu berdasarkan pilihan raya umum (PRU) sebagai satu daripada proses sistem demokrasi. Bermula dengan kerajaan Parti Perikatan selama kira-kira 20 tahun (termasuklah tempoh dua tahun "kerajaan sendiri" pada tahun 1955 hingga tahun 1957), negara kemudian ditadbirkan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN), peluasan gabungan Parti Perikatan dengan beberapa buah parti lain, termasuklah parti dari Sabah dan Sarawak.

Angin perubahan berlaku dalam PRU-14 pada tahun 2018 apabila kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pentadbiran negara dan 22 bulan kemudian kerajaan Perikatan Nasional (PN) pula mentadbirkan negara. Kini, sesudah PRU-15 pada 19 Disember 2022, negara dinakhodai pula oleh kerajaan baharu, iaitu Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Dalam pentadbiran setiap kerajaan itu, bahasa Melayu dilaksanakan sebagai bahasa negara menurut peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152, iaitu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa urusan rasmi negara. Dalam bidang pendidikan, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama sistem pendidikan tidak berubah, berdasarkan Akta Pendidikan 1961 dan kemudian Akta Pendidikan 1996. Namun demikian, sepanjang negara melayari tempoh kemerdekaan, berlaku pasang surut dalam pelaksanaan Dasar

Bahasa Kebangsaan, baik dalam bidang pentadbiran, pendidikan, undang-undang, media mahupun di tempat awam.

Usaha peningkatan dan peluasan penggunaan bahasa Melayu tampak jelas pada tahun 1970-an hingga 1990-an. Dalam bidang pendidikan, kerajaan pimpinan Tun Abdul Razak dengan dukungan Menteri Pendidikan ketika itu, Tun Patinggi Abdul Rahman Yaakub melaksanakan peralihan sekolah rendah Inggeris dan sekolah menengah Inggeris secara berjadual menjadi sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan. Pada tahun 1980-an proses peralihan itu selesai dan cita-cita untuk mempunyai satu sistem pendidikan kebangsaan menjadi cerah. Penutupan sekolah aliran Inggeris itu bagaimanapun tidak mengurangkan perhatian kerajaan kepada langkah meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan anak didik melalui program terancang.

Pada tahun 1970, negara menyaksikan tertubuhnya universiti yang menjadi

lambang dan pengisian dasar kebangsaan, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. Penubuhan UKM yang diawali oleh perjuangan panjang cendekiawan Melayu membuktikan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi, hatta dalam bidang teknikal. Pelajar kumpulan pertama Fakulti Perubatan UKM pada tahun 1973 berkuliah dalam bahasa Melayu dan sejumlah mereka kemudian menjadi doktor pakar dalam pelbagai bidang, selain yang mengembangkan kerjaya dalam bidang akademik. Saya mengetahui hal bahasa Melayu menjadi kuliah bidang perubatan di UKM kerana pelajar pertama kumpulan pertama Fakulti Perubatan itu masuk pada tahun yang sama dengan saya dan kami tinggal di Kolej Pertama kampus sementara di Lembah Pantai, sebelum mereka pindah ke kampus perubatan di Kuala Lumpur. Sering saya ungkapkan bantahan halus kepada golongan yang meragui kepakaran lulusan jurusan

perubahan UKM dengan kata-kata, "Belum pernah ada laporan media bahawa ada pesakit yang mati kerana dirawat oleh doktor lepasan UKM!"

Itlizam dan ketegasan kerajaan pada waktu itu menyebabkan di seluruh universiti awam berlangsung gerakan mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa perkuliahan bermula pada tahun 1970-an. Universiti Malaya di bawah pimpinan Profesor Diraja Ungku Aziz sebagai Naib Canselor mewujudkan perancangan khas dengan memastikan bahawa bahasa Melayu mula dijadikan bahasa perkuliahan secara beransur-ansur di semua fakulti. Usaha membentuk penulis ilmiah dalam kalangan ahli akademik untuk memenuhi keperluan penghasilan buku rujukan dalam bahasa Melayu digerakkan dengan pegatnya. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menjadi penyelaras bagi kebanyakan kegiatan itu. Dengan kerjasama antara semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan DBP dan Persatuan Penterjemah Malaysia, dilaksanakan kursus bergerak dari kampus ke kampus. Kerja pengubalan istilah dalam bahasa Melayu bagi ratasan bidang ilmu dan profesional terus diselaraskan dengan kerjasama ratasan orang ahli akademik dan profesional.

Pada tahun 1980-an berlaku reformasi pendidikan negara yang turut memberikan dampak kepada bahasa Melayu. Untuk kali pertama, Falsafah Pendidikan Kebangsaan diisytiharkan pada tahun 1988 dan Kurikulum Bersepadu diwujudkan untuk mengisi falsafah itu, khususnya di peringkat sekolah rendah (Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah atau KBSR) dan di sekolah menengah (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah atau KBSM). Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berteraskan kesepaduan antara ilmu dengan sahsiah, bahasa, kemahiran berfikir dan kewarganegaraan itu secara langsung memberikan tempat yang penting kepada bahasa Melayu, terutamanya sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi merentas bidang.

Satu daripada pendekatan yang dilaksanakan dalam pendekatan bersepadu ialah Program Bahasa Melayu Merentas Kurikulum (BMMK), selain Nilai Murni Merentas Kurikulum dan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif Merentas Kurikulum. Melalui pelaksanaan Program BMMK, Bahasa Melayu bukan sahaja ditingkatkan pengajaran dan pembelajarannya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bahkan dititikberatkan dalam mata pelajaran lain seperti Sains, Matematik, Sejarah, Geografi, Perdagangan dan mata pelajaran


yang lain. Guru mata pelajaran lain diberi tugas memastikan bahawa bahasa Melayu diberikan pengukuhan melalui penggunaan istilah, tatabahasa dan ejaan yang betul.

Penting dirakam sebagai fakta sejarah bahawa reformasi pendidikan negara yang turut melonjakkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi merentas bidang berlaku ketika Perdana Menteri pada ketika itu, Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pendidikan. Banyak cendekiawan dari institusi pengajian tinggi (IPT) yang digembleng pemikiran dan tenaga mereka oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk bersama-sama merancang dan merumuskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan juga dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu di seluruh negara. Dalam konteks bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, beliau turut merestui dan mengisytiharkan penggunaan sebutan baku yang berasaskan ejaan untuk tujuan keselarasan, khususnya dalam proses pengajaran, mesyuarat, persidangan dan siaran media elektronik.

Media elektronik yang segera menyahut penggunaan sebutan baku ialah Sistem Televisyen Malaysia Berhad atau TV3 yang mendapat sambutan hangat daripada masyarakat kerana berjaya mengetengahkan model sebutan bahasa Melayu rasmi. Sayangnya, Jemaah Menteri pada tahun 2000 memutuskan untuk memansuhkan penggunaan sebutan baku sehingga bahasa Melayu rasmi atau bahasa Melayu formal kehilangan satu daripada aspek kebakuannya, selain ejaan, tatabahasa dan laras bahasa. Tidak berlaku dalam bahasa Inggeris, misalnya, penghilangan aspek *received pronunciation* atau penghilangan lahjah (dialek) Arab baku dalam ragam fushahnya atau sebutan *Putonghua* dalam bahasa Mandarin.

Keadaan surut bahasa Melayu berlaku apabila dengan tiba-tiba pada tahun 2002. Perdana Menteri pada ketika itu, Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan Program Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Meskipun didesak oleh pelbagai pihak agar beliau membatalkan atau sekurang-kurangnya menangguhkannya, beliau tetap melaksanakannya pada permulaan sesi persekolahan pada tahun 2003. PPSMI telah meruntuhkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu apabila mata pelajaran Sains dan Matematik (yang jumlahnya menjangkau lebih daripada lima mata pelajaran di peringkat sekolah menengah) seakan-akan tidak layak disampaikan dalam bahasa Melayu dan bahasa Melayu hanya layak untuk mata pelajaran Sastera.

Kajian yang dilakukan oleh pelbagai pihak seperti UKM-DBP, Persatuan PEMBINA, dan malahan akhirnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sendiri mengesahkan kegagalan PPSMI. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam sidang media menyebut bahawa hanya sekitar tiga peratus pelajar yang mendapat manfaat daripada program tanpa perancangan rapi itu. Hasilnya, pemansuhan program itu dengan pengenalan Program Memperkasakan Bahasa Melayu, Memperkuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).



Usaha penerbitan dalam bahasa Melayu perlu ditingkatkan selaras dengan hasrat kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu.

Beberapa dampak buruk PPSMI dapat dikesan daripada kajian-kajian yang dijalankan. Antaranya termasuklah, pencapaian pelajar dalam mata pelajaran yang berasaskan Sains dan Matematik merudum, bahkan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris yang disasarkan oleh Dr. Mahathir sebagai asas program itu. Kedua, minat pelajar untuk memilih aliran sains merudum dengan nyata sehingga nisbah 60:40 yang disasarkan oleh KPM untuk aliran sains dan aliran sastera tidak tercapai. Data mutakhir menunjukkan bahawa hanya sekitar 20 peratus pelajar yang memilih aliran sains. Ketiga, hampir 10 bilion ringgit wang negara telah dibelanjakan tetapi manfaat dan pulangnya negatif.

Isu yang tidak pernah selesai ialah isu pendidikan satu aliran yang menjadi idealisme negara bagi pembinaan negara bangsa yang sejati. Isu keabsahan wujudnya sekolah jenis kebangsaan yang bahasa pengantarnya berteraskan kaum menjadi isu berterusan. Keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 2022 yang menyebut taraf sekolah jenis kebangsaan bukan badan awam menjadi asas bahawa sekolah itu boleh



wujud, tetapi bukan sebagai institusi awam yang dibiayai oleh kerajaan. Selagi kerajaan memberikan peruntukan kewangan dan menyediakan guru kepada sekolah itu, maka Dasar Pendidikan Kebangsaan sewajarnya diterapkan, termasuklah penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama. Jika tidak, maka selamanya kita mengizinkan wujudnya ladang pendidikan yang menghasilkan dualisme dalam penggunaan bahasa negara dan menghasilkan dua golongan warganegara yang paksinya tidak sama.

Berkaitan dengan isu itu, desakan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersekutu (*United Examination Certificate* atau UEC) kendalian Lembaga Pengurusan Sekolah Menengah Persendirian Cina perlu ditangani dengan berhemah. Kurikulum yang tidak berteraskan kurikulum kebangsaan menjadi asas UEC tidak wajar diiktiraf. Selain itu, semua peperiksaan awam di negara ini perlu dikendalikan oleh badan berwibawa, seperti Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia. Adakah peperiksaan yang dikendalikan oleh badan persendirian yang belum diketahui kewibawaannya dengan mudah perlu diberikan pengiktirafan? Kerajaan kini perlu menanganinya dengan serius.

Di peringkat pendidikan tinggi pula, usaha memulakan perkuliahan dalam bahasa Melayu pada tahun 1970-an hingga 1990-an terbentur apabila IPTA diarahkan berkuliah dalam bahasa Inggeris, khasnya bagi kursus kritikal seperti perubatan, undang-undang dan sains dan teknologi. Pada satu ketika, berlaku hal yang lucu apabila kursus Sains Kemanusiaan dan Sains Sosial pun diwajibkan penyampaian dalam bahasa Inggeris, bermula dengan 30 peratus. Pelajar sastera Melayu, misalnya, perlu mengenali Sasterawan negara seperti Keris Mas, Usman Awang, Shahnnon Ahmad, A. Samad Said dan lain-lain melalui bahasa Inggeris. Pemimpin IPT dan Kementerian Pengajian

Tinggi saling menafikan adanya arahan itu, tetapi ahli akademik yang berada di universiti menerima tekanan itu kerana memang ada surat arahan pimpinan universiti kepada dekan dan pengarah. Saya dapat menyebut contoh yang jelas di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya kerana pernah bertugas di situ.

Kini jumlah buku ilmiah dalam bahasa Melayu amat terbatas dan kian kurang kerana ahli akademik tidak mendapat dorongan untuk menulis dalam bahasa Melayu. Khalayak pembacanya kian kurang kerana kuliah masih banyak dalam bahasa Inggeris. Hal itu ditambah pula oleh dasar universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi yang menjadikan penarafan antarabangsa sebagai asas paling penting untuk menilai pencapaian IPTA. Antara kekangan kepada bahasa Melayu dalam hal itu termasuklah pengiktirafan karya ilmiah dalam bahasa Melayu yang amat kurang dan pada satu waktu malahan tiada. Jurnal yang mencapai tahap jurnal terindeks berdampak tinggi keseluruhannya dalam bahasa Inggeris sehingga tulisan ilmiah dalam bahasa Melayu tidak mendapat tempat dan hanya layak mencapai tahap jurnal berindeks MyCite dan amat sukar untuk mencapai tahap WOS dan Scopus.

Dalam bidang pentadbiran pun berlaku pasang surut dalam penggunaan bahasa Melayu meskipun dalam Perkara 152(6) amat jelas bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang wajib digunakan dalam pentadbiran peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan dan negeri dan pihak berkuasa awam. Dokumen seperti pekeliling dalam bahasa Inggeris masih wujud. Penjenamaan program rasmi kerajaan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris. Mesyuarat yang minitnya dalam bahasa Melayu masih banyak yang berlangsung dalam bahasa Inggeris atau bahasa yang bercampur baur.

Pemantauan demi pemantauan dilakukan oleh DBP namun keadaan tidak memperlihatkan kemajuan yang nyata. Pada tahun 2013, DBP menggerakkan Program Audit Bahasa Melayu bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menjadikan program itu kayu ukur konkrit tahap penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa urusan rasmi dan tahap mutu bahasa yang digunakan dalam perkhidmatan awam. Syukur bahawa program itu telah mengemukakan data konkrit tentang dua aspek bahasa Melayu dalam sektor pentadbiran dan dapat meningkatkan dorongan penjawat awam untuk memenuhi amanah melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan.

Pejuang bahasa, pejuang pendidikan kebangsaan dan masyarakat umumnya menghargai pernyataan rasmi Perdana Menteri ke-10, Dato' Seri Anwar Ibrahim apabila dalam sidang media pertamanya menyebut iltizam dan ikrarnya untuk terus mempertahankan pancang-pancang kenegaraan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Beliau menyebut komitmen berterusan untuk mendukung kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan, kedudukan raja-raja, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa Melayu dan bumiputera serta hak sah kaum-kaum lain. Keempat-empat perkara itu menjadi antara isu yang senantiasa panas dalam keadaan negara memerlukan kestabilan. Penghayatan dan penghormatan kepada pancang-pancang kenegaraan itu masih menjadi modal politik rasis dan cauvinis kalangan tertentu.

Maka terletak di pundak Perdana Menteri dan sekalian Menteri mengusahakan langkah konkrit bagi meredakan kegawatan isu jati diri, kecintaan kepada negara, perpaduan, politik matang dan saling menghormati dalam kalangan warganegara. Memastikan keutuhan pancang-pancang kenegaraan itu patut menjadi agenda utama kerajaan, bukan sahaja dalam pernyataan dasar bahkan yang lebih penting dalam bentuk pelaksanaannya. Selain itu, peranan cendekiawan, pimpinan penjawat awam, pimpinan institusi pendidikan dan pimpinan badan bukan kerajaan sama pentingnya agar tanggungjawab membina negara dijadikan amanah bersama. □

Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan, Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka.